

# KOLOKIUM SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (1<sup>st</sup> KOSTI)

Disediakan oleh: Dr. Azrinawati Mohd Zin

Jabatan Sains Gunaan buat pertama kalinya telah menganjurkan Kolokium Sains, Teknologi dan Inovasi (1<sup>st</sup> KOSTI) pada 25 Februari 2019 bertempat di Bilik Mesyurat Jabatan Sains Gunaan. Penganjuran kolokium ini bertujuan untuk menjadi platform kepada semua pensyarah JSG yang menyumbang artikel di dalam KOSTI 2019 agar dapat berkongsi hasil penulisan mereka dengan staf JSG yang hadir. Seramai 5 orang pensyarah JSG telah membentangkan hasil penulisan mereka pada kolokium kali ini iaitu Dr. Mohd Muzafa Jumidali, Puan Vicinisvarri A/P Inderan, Puan Marina Mokhtar, En. Mohd Haris Ridzuan Ooi Abdullah dan Dr. Mohd Zaki Mohd Yusoff. Kolokium ini akan diteruskan pada masa hadapan dan diharapkan dapat menarik lebih ramai penyertaan.

